

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN**
[SIK]
TARIKH SOALAN : **23 OKTOBER 2019**

SOALAN NO. 14

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah yang telah diambil untuk membangunkan potensi dan peluang usahawan di daerah Sik bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk Sik yang masih berada dalam senarai daerah termiskin di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Golongan usahawan luar bandar terutama yang berpendapatan rendah merupakan antara tumpuan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dalam aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang tahun 2030.
2. Selaras dengan **Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030), Teras Strategik 3 : Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik**, antara strategi/inisiatif yang dirancang MED bagi golongan usahawan luar bandar adalah seperti berikut :

NO. SOALAN: 14

- i. Memperkasakan program capaian (*outreach*) kepada golongan terpinggir termasuk B40, kawasan pedalaman dan OKU.
 - ii. Memperkasa gerakan koperasi dalam kalangan B40 dan masyarakat luar bandar, termasuk menggalakkan penubuhan koperasi berasaskan komuniti.
3. Sehingga 31 Ogos 2019, Kementerian melalui TEKUN Nasional telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM32.5 juta kepada 2,396 usahawan di daerah Sik merangkumi pelbagai skim pembiayaan di bawah TEKUN.
4. Selain TEKUN, program pembiayaan semasa di bawah agensi MED yang ditawarkan kepada usahawan luar bandar, adalah seperti berikut:
- (i) SME Bank
 - Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED); dan
 - Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF).
 - (ii) SME Corp. Malaysia
 - Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE); dan
 - Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP).
 - (iii) Bank Rakyat
 - Modal Usahawan Kecil (MusK); dan
 - Micro Enterprise Fund (MEF).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sehingga kini, terdapat 52 buah koperasi berdaftar di Daerah Sik dengan keanggotaan seramai 268,228 ahli dengan jumlah syer sebanyak RM6.9 juta dan aset sebanyak RM38.8 juta.
6. Rekod ini menunjukkan bahawa gerakan koperasi di Daerah Sik adalah kukuh dan memberangsangkan. Penubuhan ini boleh

NO. SOALAN: 14

disinergikan bersama-sama program pembangunan kapasiti koperator dalam melahirkan usahawan dan koperator yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Selain kemudahan pembiayaan dan gerakan koperasi, program pembangunan kapasiti juga merupakan inisiatif yang menyumbang kepada perkembangan potensi usahawan. Dalam perkara ini, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara yang beroperasi di Alor Setar, Kedah telah menawarkan 41 program pembangunan kapasiti kepada anggota koperasi dan usahawan di zon utara, termasuklah usahawan di Daerah Sik. Pelbagai bidang kursus telah ditawarkan termasuk teknologi maklumat, pengurusan perniagaan, komunikasi, kewangan dan lain-lain.
8. Selain itu, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) turut menawarkan pelbagai kursus/latihan keusahawanan jangka masa pendek dengan bayaran yuran yang minima. Kursus/latihan ini termasuk *coaching* serta *mentoring* secara *one to one* bersama BizKaunselor yang dilantik.

Sekian, terima kasih.